

23 APR 1998

Komanwel-Sukarelawan

20 SUKARELAWAN ASING AKAN BERKHIDMAT PADA SUKAN KOMANWEL

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Seramai 20 sukarelawan dari luar negara akan berkhidmat secara sukarela sepanjang temasya Sukan Komanwel dari 11 hingga 21 September ini.

Pengarah Bahagian Sumber Manusia Sukom Ninety Eight Berhad (Sukom) Mejar Jen (B) Datuk Abdul Kadir Nordin berkata rakyat Kanada merupakan rakyat negara asing paling ramai memohon menjadi sukarelawan Sukan Komanwel.

Sukom telah menerima 52 permohonan dari luar negara yang ingin menjadi sukarelawan termasuk Australia, United Kingdom, Ghana, Afrika Selatan, Brunei, Hong Kong, Singapura, Amerika Syarikat dan Afrika Barat, katanya pada sidang akhbar sini hari ini.

Menurut beliau, walaupun ada pemohon dari Indonesia, Vietnam dan Jepun tetapi keutamaan hanya diberi kepada negara Komanwel sahaja.

"Setakat ini, Sukom telah melatih 17,609 sukarelawan. Daripada jumlah ini 2,232 menjalani latihan luar Wilayah Persekutuan," katanya.

Sebanyak 104 latihan telah dikendalikan oleh Sukom hingga 10 Mac ini dan 16 lagi akan ditambah sepanjang Mei hingga Jun ini.

Universiti Kebangsaan Malaysia telah melatih 8,645 sukarelawan manakala Pusat Latihan Telekom melatih 8,964 sukarelawan.

Perjumpaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan sukarelawan itu akan diadakan pada 3 Mei ini di Dewan Pameran Mines, Sungai Besi dan bukan pada 26 April di Dataran Merdeka.

Pada perjumpaan itu Dr Mahathir dijangka akan memberi amanat khas kepada sukarelawan tersebut.

Menurut beliau, pihak KTM akan mengadakan perkhidmatan khas komuter dari Pelabuhan Kelang ke Kuala Lumpur dan Kuala Lumpur ke Serdang pada hari tersebut bagi membolehkan sukarelawan menghadiri perjumpaan itu.

-- BERNAMA

TLW ZB